

# Penyakit Haiwan Dalam Peribahasa Melayu Menelusuri Kearifan Tempatan

Wan Norasyikin Wan Ismail

Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia

wsikin@dbp.gov.my

## Abstrak

Peribahasa merupakan komponen penting dalam puisi Melayu tradisional yang mencorakkan nilai budaya masyarakat Melayu. Pelbagai kisah dan teladan dirakamkan dalam peribahasa sebagai panduan dan pedoman untuk generasi seterusnya. Jika dibuat penelitian yang mendalam peribahasa juga mencatatkan pelbagai jenis penyakit. Jenis-jenis penyakit yang dihadapi manusia ini dikaitkan dengan peribahasa haiwan. Haiwan-haiwan ini dijadikan perbandingan dan perlambangan supaya masyarakat Melayu lebih memahami tentang sesuatu perkara. Biasanya haiwan yang menjadi perlambangan ini ialah haiwan yang lebih dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan haiwan dan manusia mempunyai pertalian yang akrab. Justeru, kertas kerja ini akan cuba membuat penelitian terhadap jenis-jenis penyakit yang terdapat dalam peribahasa Melayu.

Kata kunci: peribahasa, haiwan, penyakit

## PENDAHULUAN

Dalam zaman yang serba moden ini pelbagai jenis penyakit muncul. Kaedah rawatannya juga berbeza untuk setiap jenis penyakit. Ada pelbagai cara untuk merawat pesakit antaranya melalui kaedah pembedahan, rawatan laser dan juga pengambilan ubat-ubatan. Jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu pada

zaman dahulu mereka hanya bergantung kepada alam sekitar untuk merawat penyakit. Tumbuh-tumbuhan dan haiwan dijadikan ubat bagi meredakan kesakitan dan jampi serapah turut digunakan bagi menyembuhkan penyakit. Sesuatu penyakit yang sukar untuk diubati dan jika tidak bertemu dengan penawar yang sesuai boleh membawa maut seperti dalam peribahasa *datang tiada dijemput, dihalau dia berpaut, salah hemat kita diangkut*.

Terdapat beberapa peribahasa yang mengungkapkan tentang orang yang sakit dan penyakit yang dihadapi. Misalnya, seperti peribahasa *seperti kura-kura terlentang* yang bermaksud orang sakit yang terbaring dengan tiada berdaya. *Seperti cicak kering*, iaitu keadaan rupa orang yang sakit (kurus), *bagai haruan di dalam tuar* yang menunjukkan keadaan resah dan gelisah kerana kesakitan, *bagai ayam disambar helang* yang bermaksud mati tanpa sakit dan banyak lagi peribahasa yang merujuk kepada makna sakit. Hasil pemerhatian yang tajam dan teliti terhadap alam persekitarannya mencetuskan peribahasa yang berkaitan dengan penyakit.

## 2. KAJIAN LEPAS

Kepentingan peribahasa terlihat melalui pelbagai kajian yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji sebelum ini. Antaranya Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) menerusi kajiannya *Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu*. Muhammad Zaid Daud (2020) *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*, Siti Nur Izzaty Salit dan Norsimah Mat Awal (2017), *Unsur Feminisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif*, Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) pula mengungkapkan tentang pemikiran masyarakat Melayu dalam mencipta peribahasa. Selanjutnya, Saidatul Nornis & Mohd. Rasdi mengangkat peribahasa yang berkaitan dengan haiwan untuk menjelaskan perlambangan positif dan negatif dalam peribahasa Melayu. Neo, K.S. et al. (2014) dan Ragavan, R. & Che Ibrahim (2015) pula membandingkan peribahasa Melayu dan Tamil yang menjelaskan bahawa aspek sosial penutur bahasa Melayu dan Tamil mempengaruhi persamaan dan perbezaan elemen yang digunakan dalam peribahasa. Hishamudin Isam et al.

(2014) pula melihat perubahan makna darah dalam peribahasa Melayu. Kajian-kajian yang dilakukan ini bukan sekadar kajian peribahasa secara umum yang menjelaskan tentang kepentingan peribahasa dan peranannya namun kajian yang dilakukan lebih mendalam dan spesifik sifatnya. Kajian yang dilakukan ini kesemuanya menunjukkan kehalusan dan ketajaman akal budi orang Melayu ketika berbahasa. Kajian tentang peribahasa ini begitu luas sifatnya dan dan pelbagai bidang boleh diterokai untuk dijadikan kajian misalnya, pelbagai penyakit haiwan yang diungkapkan dalam peribahasa.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan data-data peribahasa yang diambil daripada Pangkalan Data Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) Dewan Bahasa dan Pustaka. Data-data peribahasa ini dipilih berdasarkan kata kunci 'penyakit' yang diterang diruangan maksud peribahasa.

### **4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam kehidupan masyarakat Melayu mereka terdedah dengan persekitaran yang dilingkungi hutan rimba, kebun, ladang, sungai dan laut. Masyarakat Melayu juga menternak haiwan peliharaan seperti ayam, itik, lembu kambing dan sebagainya. Perkongsian hidup mereka dengan haiwan-haiwan ini dengan sendirinya menjadikan mereka lebih mengenali tabiat dan ciri-ciri haiwan tersebut sehinggakan begitu banyak perlakuan dan tabiat tentang haiwan ini terakam dalam peribahasa. Wan Abdul Kadir dalam Lim Kim Hui (2005) menyatakan:

*...orang-orang Melayu dapat memahami perlakuan-perlakuan haiwan di sekeliling mereka. Perlakuan haiwan itu akan menjadi sindiran pula kepada manusia. Seorang yang dinyatakan secara perbandingan dengan jenis-jenis haiwan tertentu itu dapat*

*memahami akan maksudnya. Pernyataan yang simbolis itu telah menjadi sebahagian daripada budaya Melayu yang diwarisi sejak beberapa lama dahulu.*

Tabiat binatang yang sering ditemui oleh orang Melayu menjadi perhatian dan renungan mereka sehingga tercetusnya peribahasa yang berkaitan dengan haiwan ini (Ithin:2000). Perlakuan dan sikap haiwan-haiwan ini secara tidak langsung mempengaruhi sikap dan peribadi orang Melayu. Masyarakat Melayu mengiaskan perbuatan seseorang kepada haiwan lain. Begitu juga dengan beberapa jenis penyakit manusia yang dikaitkan dengan kelakuan haiwan.

### **Penyakit Anemia**

Anemia merupakan penyakit yang diakibatkan oleh kekurangan sel darah merah atau hemoglobin dalam sel darah merah (Kamus Dewan: 1995). Keadaan jumlah sel darah merah yang sihat berkurangan di bawah paras normal. Sel darah merah mengambil oksigen di dalam paru-paru dan membawanya ke tisu-tisu di seluruh badan. Di sana, oksigen digabungkan dengan makanan untuk mengeluarkan tenaga. Dalam diri orang yang mengalami anemia, darah tidak dapat membekalkan tisu dengan oksigen yang mencukupi. Maka orang itu berasa lemah atau letih. Simptom lain ialah pening, sakit kepala, kulit pucat atau sejuk, degupan jantung yang deras, dan kesukaran bernafas (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP).

Kekurangan zat besi dalam menu makanan seharian boleh menyebabkan penyakit anemia yang dikenali sebagai penyakit kurang darah. Masalah kurang darah merujuk kepada tahap pigmen hemoglobin dalam darah yang rendah. Hemoglobin adalah pigmen dalam komponen sel darah merah yang bergabung dengan oksigen dari udara agar ia boleh dibawa oleh sistem pengangkutan badan dari jantung kepada organ dalaman (Sri Viknarajan: 2020). Ramai di kalangan orang dewasa yang tidak menyedari bahawa mereka menghadapi anemia. Tanda-tanda

anemia termasuklah rasa letih sepanjang masa, pening, sesak nafas apabila melakukan aktiviti fizikal, kulit pucat, kadar denyutan jantung yang pantas, kurang daya ingatan dan hilang berat badan (Zainab: 2020).

Masyarakat Melayu yang tinggal di kampung akan memelihara ayam sebagai sumber pendapatan. Kawasan rumah yang mempunyai halaman yang luas menjadikan masyarakat Melayu menjadikan ayam sebagai haiwan peliharaan. Ayam peliharaan (*Gallus gallus domesticus*) ialah unggas yang biasa dipelihara orang untuk dimanfaatkan untuk keperluan hidup pemeliharanya. Terdapat lebih daripada 100 jenis ayam dan dipercayai berasal daripada ayam hutan liar Barat Daya Asia (EP:1990). Haiwan peliharaan ini banyak memberi manfaat kepada manusia. Bermula daripada daging dan telurnya dapat dibuat lauk, bulunya dijadikan penyapu habuk, malahan najisnya dijadikan baja untuk menyuburkan tanaman. Keakraban hubungan manusia dengan ayam ini mencetuskan peribahasa yang berkaitan dengan ayam termasuklah pelbagai jenis penyakit yang dihidapi oleh ayam.

Ayam yang dipelihara tidak dapat lari daripada mendapat serangan penyakit. Hasil daripada pemerhatian dan pengalaman masyarakat Melayu terhadap haiwan tersebut lalu dicipta peribahasa bagi menggambarkan keadaan manusia yang merujuk kepada penyakit haiwan ternakan mereka. Mereka juga berusaha untuk mengenal pasti penyakit yang menyerang haiwan ternakan dan mencari jalan untuk mengatasinya. Penyakit- penyakit yang disebutkan oleh peribahasa merujuk kepada penyakit anemia atau pun kurang darah misalnya seperti dalam peribahasa berikut:

<b>Peribahasa</b>	<b>Makna</b>
Seperti ayam dimakan tungau	Pucat lesi dan tidak berdaya sebab sakit dan kurang darah.

Seperti ayam kena lengit	Pucat lesi dan tidak berdaya sebab sakit dan kurang darah.
Seperti ayam kena sampar	Pucat lesi dan tidak berdaya sebab sakit dan kurang darah.
Bagai ayam mabuk tahi	Pucat lesi dan tidak berdaya sebab sakit dan kurang darah.
Bagai ayam berak kapur	Rupa pucat kerana menghidap penyakit.

---

*Seperti ayam dimakan tungau, seperti ayam kena lengit dan seperti ayam kena sampar* bermaksud orang yang pucat lesi dan tidak berdaya kerana sakit dan kurang darah. Tungau ialah sejenis kutu yang halus seperti tuma yang terdapat pada badan ayam dan kera. Kutu ini akan menumpang di badan ayam dan lama-kelamaan ayam akan mati kerana dimakan oleh tungau, iaitu sejenis haiwan parasit seperti yang diungkapkan dalam peribahasa *mati ayam, mati tuma*. Tungau ini aktif pada waktu malam dan menghisap darah perumahnyanya. Melalui pemerhatian yang teliti orang Melayu pada waktu itu telah tahu punca penyakit yang menyebabkan ayam mereka mati. Bagi menghapuskan tungau-tungau yang terdapat pada ayam ini mereka akan menggunakan asap daripada bakaran daun kelapa. Reban ayam akan diasapi setiap petang untuk membunuh tungau ini.

Selain diberi makanan ayam kampung biasanya dilepas bebas mencari makanannya sendiri. Antara makanannya seperti padi beras, jagung, ubi, cacing, ulat dan macam-macam lagi. Ayam tidak memilih makanan, apa yang ditemuinya akan dipatuk dan dimakan termasuklah najisnya sendiri. Apabila ayam tersebut makan terlalu banyak najisnya sendiri haiwan tersebut akan merasa pening, berjalan tidak stabil dan terhoyong-hayang. Kelakuan inilah yang dikatakan mabuk. Umum mengetahui najis ialah kotoran yang dikeluarkan oleh badan manusia mahupun haiwan oleh sistem perkumuhan. Kotoran ini tidak diperlukan oleh badan

dan jika tidak dikeluarkan boleh membawa penyakit. Ayam merupakan makhluk Allah yang tidak mempunyai akal fikiran seperti manusia yang dapat membuat pertimbangan mana yang baik dan yang buruk. Haiwan ini tidak dapat membezakan sama ada tahinya itu makanan ataupun najis. Apabila ayam memakan najisnya sendiri terutama dalam kuantiti yang banyak tentulah akan menyebabkan ayam tersebut dalam keadaan tidak aktif, lemah dan sakit. Lama- kelamaan ayam tersebut akan mati. Situasi ayam inilah yang dikaitkan dengan keadaan manusia yang sakit, wajah yang pucat lesi kerana sakit dan kekurangan darah *bagai ayam mabuk tahi*.

*Bagai ayam berak kapur* juga merujuk kepada orang yang sedang sakit, wajahnya kelihatan pucat dan tidak bermaya kerana tiada selera makan. Kenapa ayam berak kapur? Ayam yang berak kapur merujuk kepada najis yang dikeluarkan oleh ayam berwarna putih seakan-akan kapur, iaitu sejenis penyakit yang dinamakan *pullorum disease*. Penyakit ini boleh menyebabkan kematian kepada anak-anak ayam dan ayam dewasa yang terkena penyakit ini akan menyebarkan kepada ayam-ayam yang lain. Penyakit berak kapur disebabkan oleh bakteria *Salmonella pullorum*. Ayam yang mendapat penyakit ini kurang menghasilkan telur dan akan merugikan penternak.

Ayam yang terkena penyakit ini akan kelihatan lesu tidak berselera makan, lemah dan pergerakan yang tidak aktif (Suhaimi: 2017). Untuk mengelakkan penyakit ini daripada menular ayam yang terkena penyakit perlu dikuarantin. Jangkitan penyakit berak kapur boleh dijangkiti melalui pelbagai cara antaranya dari ibu kepada anaknya melalui telurnya, peralatan yang digunakan olen penternak, sangkar, sampah dan pakaian daripada pekerja yang tercemar. Keadaan ayam yang mengidap penyakit berak kapur ini dijadikan kiasan dan perlambangan kepada manusia yang mempunyai ciri-ciri penyakit haiwan tersebut.

## Penyakit paru-paru

Paru-paru ialah organ di dalam badan yang mengandungi gelembung-gelembung udara atau alveoli. Alveoli bertanggungjawab untuk penukaran gas oksigen dan karbon dioksida (Norhaya:2012). Penyakit paru-paru seperti pneumonia berlaku disebabkan oleh jangkitan kuman bakteria dan virus, tetapi kadang-kadang boleh disebabkan oleh kulat atau parasit. Bagi orang yang mengidap penyakit paru-paru ia berkaitan dengan sistem pernafasan. Sesak nafas adalah sesuatu perasaan susah bernafas atau pernafasan yang tidak selesa. Masyarakat Melayu mengenalinya dengan panggilan semput atau pendek nafas. Sesak nafas adalah merupakan sesuatu yang normal tetapi boleh mendatangkan kemudaratan jika ianya berlarutan dalam tempoh yang lama.

Bagi menggambarkan seseorang yang menghadapi masalah pernafasan orang Melayu mengaitkannya dengan perilaku ayam. Peribahasa *ayam termakan rambut* bermaksud orang yang menghidap sakit paru-paru. Kiasan ini menunjukkan bagaimana reaksi ayam apabila termakan rambut atau benang. Ayam akan merasa kurang selesa kerana tercekik dan akan berusaha untuk mengeluarkan benda itu sehingga berjaya. Selagi rambut atau benang yang tersangkut pada kerongkong ayam tersebut selagi itulah ayam tersebut sukar untuk bernafas. Jika situasi ini berterusan ayam tersebut akan mati kerana sukar untuk bernafas. Hal ini dikaitkan dengan manusia yang mengalami kesukaran untuk bernafas.

Sesak nafas terjadi akibat interaksi yang rumit di antara rangsangan saraf, mekanikal pernafasan dan berhubungkait dengan tindak balas sistem saraf pusat. Seseorang boleh mendapat sesak nafas apabila penurunan paras oksigen dalam aliran salur darah, peningkatan paras karbon dioksida dalam aliran salur darah, penurunan keupayaan paru-paru untuk berkembang dan peningkatan beban kerja yang berkaitan dengan proses pernafasan normal. Memetik artikel dalam portal

<http://www.myhealth> tulisan Dr. Sanidah Mat Ali (2020) menyatakan, faktor risiko sesak nafas ini biasanya termasuklah faktor risiko klinikal seperti asma, penyakit paru-paru kronik, kegagalan jantung dan penyakit pembuluh koronari. Selain itu pendedahan ke atas bahan toksin juga boleh menimbulkan keradangan paru-paru seperti asap rokok dan bahan toksin kilang. Individu yang mengalami kurang darah merah (anemia), gangguan kerungsingan dan panik, cara hidup sedentari dan kegemukan juga menyumbang kepada punca risiko sesak pernafasan.

### **Penyakit Masalah penglihatan**

Menghadapi masalah penglihatan merupakan perkara biasa kepada masyarakat kita pada hari ini. Hal ini disebabkan oleh faktor pekerjaan dan keadaan persekitaran yang menyebabkan mata terpaksa berkerja kuat. Akhbar Berita harian bertarikh 10 Oktober 2019 melaporkan bahawa kanak-kanak yang menggunakan gajet tanpa kawalan dan had masa tertentu berisiko tinggi mengalami mata kabur dan kering serta rabun jauh.

Jika dibandingkan kanak-kanak pada masa dahulu jarang menghadapi masalah penglihatan. Hal ini demikian disebabkan oleh mereka tidak terdedah kepada gajet pada jarak dekat dan mereka lebih banyak bermain di luar rumah. Namun, jika dilihat dan diperhatikan masa kini, kanak-kanak jarang mengisi waktu petang di luar rumah kerana mereka lebih suka memilih untuk bermain permainan di gajet ataupun menonton cerita di kaca TV. Aktiviti melihat objek pada jarak dekat untuk jangka masa yang lama akan memberi tekanan kepada otot mata, sehingga menyebabkan masalah rabun.

Seseorang yang mempunyai masalah penglihatan pada waktu malam dikatakan *rabun ayam*. Hal ini merupakan kiasan kepada sifat ayam yang tidak dapat melihat pada waktu malam. Hasil pemerhatian yang tajam dan teliti tentang ayam ini masyarakat Melayu mengetahui bahawa kelemahan ayam ialah tidak dapat melihat

apabila cahaya gelap. Ayam mempunyai penglihatan binokular, iaitu boleh melihat objek jauh dari jarak jauh. Dari segi sainsnya ayam termasuk dalam spesies burung yang mempunyai penglihatan yang cukup baik sehingga 2-3KM (Hata Mazlan:2011). Namun kelebihan ini hanya pada waktu siang sahaja. Berbeza dengan haiwan lain seperti kucing dan lembu mampu melihat pada waktu malam kerana mata mereka akan bercahaya apabila disuluh dengan lampu.

Sesiapa yang mempunyai penglihatan kurang jelas pada waktu malam akan dikatakan *rabun ayam*. Ini merupakan kiasan kepada sifat ayam yang tidak dapat melihat pada waktu malam. Kelemahan sifat ayam inilah diambil oleh musang untuk menyamar sebagai ayam seperti dalam peribahasa *musang berbulu ayam*. Begitu juga dengan peribahasa *bila ayam diasak malam* yang bermaksud sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Walaupun ayam tidak dapat melihat dalam keadaan gelap namun begitu ayam ini dapat mengesan musuh yang mendekati reban mereka. Penyakit rabun ayam ini atau rabun senja merupakan sejenis penyakit yang dikenali sebagai *Nyctalopia*. *Nyctalopia* diambil daripada perkataan Yunani. Kata *nyct* bermaksud malam (Fery Irawan:2012). Penyakit rabun ini disebabkan oleh penyakit mata seperti *glaukoma*, *retininitis*, *pigmentosa*, *ketara*, *katarak*. Pesakit *glaucoma* akibat pengambilan ubat-ubatan menyebabkan pupil mata mengecil sehingga mata sukar menangkap cahaya (Hanim).

### **Penyakit kelamin**

Penyakit kelamin ialah penyakit yang tersebar melalui hubungan seksual antaranya sifilis. Penyakit ini merupakan penyakit berjangkit, yang dibawa oleh kuman *Treponema pallidum*. Sifilis boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu yang boleh berjangkit melalui hubungan seks dan yang dijangkiti semasa hamil (Wan Ramli:1992). Masyarakat Melayu begitu menjaga tutur kata agar tidak melukakan hati orang yang dilawan bercakap. Oleh sebab penghidap penyakit ini menyerang

anggota sulit wanita dan lelaki, masyarakat Melayu menggunakan beberapa istilah dan simpulan bahasa. Misalnya seperti berikut:

Peribahasa	Makna
Dimakan kapang habis berlubang.	Menderita penyakit kelamin
Raja singa	Penyakit sifilis
Abilah peringgi	Penyakit sifilis

Dalam peribahasa *dimakan kapang habis berlubang* bermaksud orang yang menderita penyakit kelamin. Kapang ialah sejenis teritip atau siput yang melekat pada kayu atau sampan. Lama-kelamaan kapang ini akan memakan kayu sedikit demi sedikit dan akhirnya menyebabkan sampan atau bot nelayan berlubang-lubang dan rosak. Siput ini biasanya terdapat dalam air masin. Begitulah perlambangan kapang yang jika dibiarkan akan membiak dengan begitu cepat dan merosakkan tempat yang ditumpanginya. Penyakit sifilis yang mendiami organ pembiakan lelaki dan wanita, lama-kelamaan akan memudaratkan kesihatan manusia. Jika tidak dirawat di peringkat awal bakteria ini akan merebak ke tempat lain dan boleh menyebabkan kematian.

Begitu juga dengan simpulan bahasa *raja singa* yang merujuk kepada penyakit sifilis yang menunjukkan bahawa penyakit ini amat bahaya. Singa melambangkan seekor haiwan yang garang dan ditakuti. Jika raja kepada singa jelas menunjukkan bahawa haiwan ini begitu kuat, garang, ganas dan ditakuti oleh semua binatang termasuklah manusia. Gambaran sedemikian diberikan kepada penyakit sifilis ini yang ditakuti dan digeruni oleh manusia kerana penyakit ini boleh menjangkiti orang lain. Simpulan bahasa lain yang merujuk kepada penyakit ini juga dipanggil *abilah Peringgi*. Bagi menjaga air muka pesakit dan keluarganya kerana penyakit ini

menjangkiti tempat sulit manusia, maka peribahasa digunakan sebagai kiasan dalam berkomunikasi.

Setiap penyakit ada ubatnya, begitu juga dengan penyakit sifilis ini. Selain daripada rawatan moden masyarakat Melayu menggunakan rawatan tradisional. Menurut Muhamad (1992) penyakit ini boleh diubati secara tradisional dengan mengamalkan campuran ubatan seperti berikut.

*Bersihkan daun kaki kuda (Ipomea pes-capre) dan ubi gadung dan tumbuk sehingga halus. Temu hitam diparut dengan air tiga senduk. Setelah daun kaki kuda dan keledak (Ipomea batatas) ditumbuk, campurkan dengan air temu hitam (Curcuma aeruginosa) dan diminum sesenduk tiga kali sehari.*

### **Pening atau vertigo**

Pening kepala adalah suatu yang seringkali berlaku oleh kebanyakan orang. Penyakit ini digunakan untuk menggambarkan rasa tidak sedap dibahagian kepala seperti terawang-awang, rasa berpusing yang juga boleh menyebabkan badan tidak stabil untuk berjalan. Simptom yang menyebabkan rasa pemandangan yang berpusing dipanggil sebagai Vertigo (Latif:2019). Situasi pening ini dinamakan pening lalat. Pening lalat boleh berlaku secara tiba-tiba dan berlangsung selama beberapa saat atau lebih. Apabila anda mengalami pening lalat, anda akan merasakan kehilangan keseimbangan (menyebabkan susah untuk berdiri atau bahkan berjalan), merasa sakit, dan pusing.

Memetik daripada laman sesawang [http://: www.hellodoktor.com](http://www.hellodoktor.com), pening lalat disebabkan berlakunya gangguan keseimbangan dalam tubuh anda, yang melibatkan pelbagai bahagian sistem deria, seperti mata, saraf deria, dan telinga bahagian dalam. Gangguan pada telinga dalam memberikan otak isyarat dari telinga bahagian dalam yang tidak selari dengan apa yang diterima oleh mata dan saraf deria. Hasilnya, otak anda mengalami kebingungan, dan anda merasa pusing serta tidak seimbang. Antara punca pening lalat ialah migrain, peredaran darah yang lemah, tekanan darah yang rendah, gula dalam darah yang rendah dan dehidrasi.

Bagaimana pula dengan mabuk lalat? Mabuk lalat juga merujuk kepada penyakit pening yang dialami oleh manusia. Biasanya pening-pening lalat dan mabuk-mabuk lalat ini merujuk kepada keadaan pening yang tidak kuat. Kenapa lalat dipilih bukan haiwan lain. Umum mengetahui bahawa lalat akan mengunjungi tempat-tempat kotor dan suka hinggap pada makanan yang terdedah. Perilaku lalat ini menjadi pemerhatian sehingga mencetuskan peribahasa pening-pening lalat dan mabuk-mabuk lalat. Lalat yang biasa akan terbang dan hinggap dari satu tempat ke satu tempat. Tetapi lalat yang terbang berpusing-pusing seakan-akan melelong, itulah yang dikatakan lalat pening. Bila pening berterusan dikatakan mabuk kerana tidak stabil. Daripada pemerhatian inilah yang dikaitkan dengan perilaku manusia yang dalam keadaan pening. Mereka yang mengalami masalah pening jika berjalan tidak stabil dan kurang keseimbangan badan. Bila hal ini berlaku itulah dikatakan berjalan seperti orang mabuk. Daripada perilaku lalat tadi akhirnya mencetuskan peribahasa pening lalat dan mabuk lalat yang dijadikan perlambangan kepada manusia. Namun perlu diingat jika merasa pening kepala yang berterusan perlulah segera untuk mendapatkan rawatan.

## Penyakit kecacingan

Perkataan cacing yang digunakan dalam peribahasa membawa erti beberapa jenis binatang yang berbentuk bulat, pipih panjang dan tiada beranggota. Hidupnya di dalam air, tanah, perut manusia dan binatang (Johari Surin: 1992). Cacing menurut Johari Surin jika dilihat dalam konteks parasitologi merupakan organisma yang mengancam kesihatan sejumlah besar manusia. Dari segi perubatan Melayu, tradisional cacing merujuk kepada penyakit yang disebabkan oleh parasit tersebut. Terdapat pelbagai jenis cacing yang membawa penyakit, iaitu cacing kerawit (*enterbius vermicularis*), cacing gelang-gelang (*ascaris lumbricoides*), cacing besar (cacing pita, cacing pipih, cacing gelang-gelang raja, cacing panjang), cacing darah (larva agas, chironomus) cacing rambu (berengga, *chrysonmyia*), cacing biar-biar dan cacing angin.

Dalam masyarakat Melayu sebelum merdeka, penyakit yang diakibatkan oleh cacing merupakan perkara normal. Kanak-kanak yang berperut buncit biasanya mengandungi cacing di dalamnya kerana kekurangan zat makanan. Apabila mereka membuang air besar terdapat cacing dalam najis mereka. Cacing kerawit merupakan musuh utama bagi kanak-kanak. Penyakit ini mudah menyerang kanak-kanak kerana mereka tidak memakai kasut ketika berjalan dan cacing kerawit tadi akan masuk melalui tapak kaki. Kanak-kanak yang diserang cacing kerawit ini akan kelihatan pucat, letih dan perutnya kelihatan buncit. Jangkitan cacing boleh berlaku di mana-mana bahagian badan seperti mata, hati, paru-paru dan salur darah dan melalui sentuhan pada kulit. Cacing jarum betina akan keluar dari dubur pada waktu malam dan bertelur berhampiran dengan kulit dubur. Jangkitan cacing yang disebabkan oleh cacing jarum dikenali sebagai 'enterobiasis', satu penyakit yang biasa berlaku dalam kalangan kanak-kanak (Sukumar a/l Rajaretnam: 2012). Jangkitan cacing juga boleh diperoleh daripada haiwan peliharaan anda seperti kucing atau anjing dengan hanya menyentuhnya atau jangkitan melalui kulit.

Pengaruh cacing dalam kehidupan mereka menyebabkan terciptanya beberapa peribahasa berkaitan cacing. *Mencacing* bermakna orang yang sangat kurus badannya akibat cacingan, iaitu penderitaan dan sakit sebab banyak cacing di dalam usus. Begitu juga dengan peribahasa *cacing naik ke mata* dan *biar-biar naik ke mata* membawa maksud perbuatan yang melampau. Ini bertepatan dengan cara hidup cacing yang biasanya tinggal dalam usus dan perut manusia telah naik sampai ke mata. Biar-biar ini merupakan sejenis cacing yang terdapat dalam perut manusia atau haiwan. Dalam perubatan Melayu terdapat cacing yang benar-benar menyerang mata di bawah *konjuntiva Gater*. Seorang ahli sains semasa penjajahan Inggeris di Tanah Melayu mengandaikan bahawa parasit yang dimaksudkan ialah cacing (*thelazia callipeada*) yang menyerang mata anjing, dan mata kanak-kanak (Johari Surin: 1992).

Di Indonesia 50%-60% kanak-kanak di daerah rural menderita penyakit akibat penyakit cacing (Soegeng: 2016) Cacing yang masuk ke dalam mata ini merupakan cacing pita babi, cacing bulat dan opistorchis (Anon:2021). Kadang kala parasit ini masuk ke dalam mata dari persekitaran luaran dan berpunca dari usus. Walau bagaimanapun, cacing mata yang menjalar di bawah konjuntiva mata tanpa menimbulkan kemudaratan menjadi perkara biasa bagi masyarakat di Afrika dan mereka menganggap ini bukan perkara yang melampau batas. Cacing juga boleh menembusi dinding usus dan bergerak ke organ lain seperti otak, mata dan hati. Jangkitan pada organ lain menyebabkan masalah kesihatan yang lebih serius. Kanak-kanak boleh mengalami sawan, radang selaput otak dan jaundis (Nor Huda: 2019). Antara simptom anemia yang berpunca daripada kecacingan termasuklah hilang selera makan, perut kembung, gatal di bahagian anus, cacing dalam najis, loya dan berat badan sukar naik (Intan Mas Ayu Shahimi:2017).

Penyakit ini jika tidak dirawat akan menyebabkan rabun dan buta apabila cacing kerawit ini telah sampai ke mata. Jika cacing itu kekal lebih lama dalam mata

seseorang individu, ia boleh menyebabkan parut pada kornea dan kemungkinan besar mangsa boleh mengalami buta (Reuters:2018). Jangkitan cacing yang tidak dirawat dan dibiarkan berada dalam tubuh tanpa disedari akan memberi kesan yang berbahaya. Jangkitan pada organ lain menyebabkan masalah kesihatan yang lebih serius. Kanak-kanak boleh mengalami sawan, radang selaput otak dan jaundis. Bagaimanapun, bukan semua jangkitan cacing itu berbahaya. Apabila cacing sudah berada di mata ia merupakan sesuatu yang melampau batas kerana hal ini jarang berlaku. Rawatan dan pencegahan awal harus dipertimbangkan demi kesihatan dan kualiti hidup.

### **Penyakit elepsis**

Epilepsi atau lebih dikenali dengan istilah sawan babi dikaitkan dengan kekejangan atau tarik yang berlaku secara berulang. Hal ini berlaku hasil tindak balas masalah isyarat elektrik yang salah ke dalam otak. Aktiviti elektrik otak yang normal diganggu oleh lebih aliran elektrik dalam otak yang menyebabkan berlakunya masalah komunikasi sementara antara sel saraf (Kim:2018). Epilepsi berasal daripada perkataan Greek iaitu 'epilambanien' yang bermaksud serangan. Perkataan ini digunakan untuk menerangkan keadaan di mana serangan sawan yang berterusan berlaku tanpa sebarang rangsangan luar. Epilepsi juga dikenali sebagai "sawan babi", "cho chin" dalam bahasa Mandarin ataupun "kaka valipu" dalam bahasa Tamil (Irene etl. all: 2012).

Penyakit ini merujuk kepada masalah gangguan fungsi otak pada sel saraf atau sel neuron menyebabkan otak tidak berfungsi dengan baik (Nasuha: 2015). Epilepsi adalah gangguan neurologis yang boleh menyerang orang dewasa, kanak-kanak dan bayi (M. Dejandra Rasnaya: 2020). Bagi pesakit epilepsi, apabila aktiviti sel neuron terganggu, berlaku gangguan pada deria rasa, emosi, kelakuan, kejang otot serta pesakit tidak sedarkan diri. Namun begitu, ada sesetengah pakar perubatan

mengatakan bahawa tidak semua sawan dikategorikan sebagai epilepsi. Sawan yang disebabkan oleh rangsangan lain seperti demam panas, kurang gula dalam darah dan kuman di dalam otak tidak diklasifikasikan sebagai epilepsi. Seseorang boleh dikatakan mengalami epilepsi sekiranya dia mengalami sekurang-kurangnya dua kali sawan yang berulang.

Daripada pemerhatian dan pengamatan yang tajam orang Melayu mencipta peribahasa bagi menamakan sesuatu penyakit. Penyakit epilepsis mempunyai ciri-ciri yang sama dengan babi yang terkena sawan. Babi juga dikaitkan dengan beberapa penyakit dalam budaya Melayu. Dalam peribahasa Melayu terdapat tiga jenis penyakit yang berkaitan dengan babi, iaitu *sawan babi*, *gila babi* dan *pitam babi*. Mat Saat Baki (1993) mengatakan bahawa gila babi selalunya dikaitkan dengan epilepsi, iaitu *epilepsi gran mal*. Pemberian nama penyakit ini adalah berdasarkan pemerhatian orang Melayu terhadap haiwan-haiwan yang berada dalam persekitarannya. Orang yang mengidap penyakit ini akan mengeluarkan buih di mulutnya, berbunyi dan menyondol seperti babi. Penyakit *gila babi* atau *pitam babi* ini menyerang tidak mengira masa atau peringkat usia. Apabila berlaku serangan pesakit akan menyungkur seperti babi malahan ada pesakit yang tidak dapat mengawal kencing dan berak mereka.

Selain gelaran kepada penyakit ini yang begitu rendah dan hina, masyarakat Melayu mengaitkannya dengan haiwan tersebut kerana kelakuannya semasa dalam sawan boleh menjatuhkan maruahnyanya. Menurut Mat Saat lagi, sawan babi tidaklah seteruk gila babi. Sawan lebih dikenali dengan nama konvulsi yang disebabkan oleh demam panas. Jika dibandingkan dengan gila babi, sawan babi tidak mempunyai implikasi najis dan penghinaan. Oleh sebab penghidap sawan ini memalukan keluarga ada sesetengah ibu bapa yang tidak membawa anak mereka untuk mendapatkan rawatan di hospital.

## **PENUTUP**

Hakikatnya, walaupun masyarakat Melayu pada zaman dahulu tidak mendapat pendidikan formal hingga ke peringkat universiti, tetapi alam sekeliling mereka merupakan universiti yang terbaik bagi mereka mengajar tentang kehidupan. Mereka mampu mengungkapkan rangkaian ilmu berdasarkan pemerhatian terhadap persekitarannya. Melalui kebijaksanaan dan cara yang berhemah tanpa menyinggung perasaan orang lain mereka menyampaikan mesej. Inilah yang dikatakan alam terkembang dijadikan guru.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

*Ensiklopedia Pelajar*. 1990. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Ithnin Abdul Jalil. 2000. *Pemikiran Saintifik Orang Melayu Melayu Peribahasa*. Dalam Yaacob Harun (Ed.), *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Lim Kim Hui. 2005. *Budi as the malay mind: A philosophical study of Malay ways of reasoning and emotion in peribahasa*. Disertasi Ph.D, Universiti of Hamburg.

*Kamus Dewan*. 1995. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mat Saat Baki. 1993. Tingkah Laku Tak Normal. Dlm. Abdul Halim Othman (pngr.). *Psikologi Melayu*, 344-385. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Zaid Daud. 2020. *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Tesis Master Sastera (linguistik). Universiti Malaysia Sarawak.

Muhamad Zakaria & Mustafa Ali Mohd. 1992. *Tumbuhan dan Perubatan Tradisional*.

Wan Rami Wan Mohamad. 1992. *Ilmu Puteri Islam*. Fajar Bakti.

### **Internet**

Anon: *Cacing di Mata Manusia: Gejala dan Rawatan*  
<https://may.vigneshmeenuyeclinic.com/cherv-v-glazu-simptomym.htm>. Tarikh capaian: 10 Jun 2021.

Fery Irawan. 2012. *Penyakit Rabun Ayam atau Rabun Senja*.  
<https://www.deherba.com/penyakit-rabun-ayam-atau-penyakit-rabun-senja.html>. Tarikh capaian: 11 Jun 2021.

Irene Cheah Guat Sim, Terrance Thomas dan Umathevi Paramasivam (2012). *Memahami penyalit sawan dan elepsi*. <http://www.myhealth.gov.my/memahami-penyakit-sawan-a-epilepsi/>. Tarikh capaian: 9 Jun 2021.

Latif Saad. 2019. *Pening Kepala: Punca, Tanda dan Rawatan*.  
<https://thediagnosa.com/pening-kepala-punca-tanda-rawatan/>. Tarikh  
capaian: 10 Jun 2021.

M. Dejandra Rasnaya. 2020. 4 Tanda Serangan Epilepsi pada Bayi yang Wajib  
Diketahui. [https://www.klikdokter.com/info-sehat/read/3636785/4-tanda-  
serangan-epilepsi-pada-bayi-yang-wajib-diketahui](https://www.klikdokter.com/info-sehat/read/3636785/4-tanda-serangan-epilepsi-pada-bayi-yang-wajib-diketahui). Tarikh capai: 11 Jun 2021.

Nasuha Badrul Huzaini. 2015. *Gangguan Otak Punca Epilepsi*.  
[https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/56588/gangguan-otak-  
punca-epilepsi](https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/05/56588/gangguan-otak-punca-epilepsi).

Nor Huda. 2019. *Jangkitan Cacing Pada Kanak-Kanak*.  
<https://borneokomrad.com/jangkitan-cacing-pada-kanak-kanak/>. Tarikh  
capaian: 10 Jun 2021.

Norhaya Mohd Razali. 2012. *Radang paru-paru*. [http://www.myhealth.gov.my/radang-  
paru-paru/](http://www.myhealth.gov.my/radang-paru-paru/). Tarikh capaian: 12 Jun 2021

Sanidah Mat Ali. 2020. *Semput/Sesak Nafas di kalangan Warga Emas*  
<http://www.myhealth.gov.my/semput-sesak-nafas-di-kalangan-warga-emas/>.  
11 Jun 2021.

Suhami: 2017. *Penyakit ayam Kampung*. [https://myagri.com.my/2017/10/penyakit-  
ayam-kampung/](https://myagri.com.my/2017/10/penyakit-ayam-kampung/). Tarikh capaian: 11 Jun 2021.

Sukumar a/l Rajaretnam. 2012. *Jangkitan Cacing Jarum*.  
<http://www.myhealth.gov.my/jangkitan-cacing-jarum/>. Tarikh capaian: 11 Jun 2021.

Sri Viknarajan. 2020. Apakah Simptom Kurang Darah (Anemia) dan Cara Mengatasinya?  
<https://www.doctoroncall.com.my/soalan/tanda-tanda-kurang-darah>. 11 Jun 2021.

Reuter: 2018. *Cacing Bersarang dalam Mata Wanita*.  
<https://www.hmetro.com.my/global/2018/02/312717/cacing-bersarang-dalam-mata-wanita>. Tarikh capaian: Tarikh capaian:10 Jun 2021.

Wan Faizal Ismayatim. 2019. Guna gajet berlebihan, kanak-kanak berisiko mata kabur, rabun jauh-TPM.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/615985/guna-gajet-berlebihan-kanak-kanak-berisiko-mata-kabur-rabun-jauh-tpm>. Tarikh capaian: 11 Jun 2021.

Zainab Kautsar: 2020. *Anemia Bagi Dewasa*. <http://www.myhealth.gov.my/anaema-bagi-dewasa/>. Tarikh capaian: 10 Jun 2021.

## **Majalah**

Johari Surin. 1992. *Penyakit Parasit dan Pelesit Masyarakat*. Pelita Bahasa (10): 10-11.

## **Portal**

*Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Jurnal

Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutaliba, Norma Saada & Nasariah Mansora. 2014.

Domaian Change in Feelings darah (blood): An Analysis of communication style in Malay proverbs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155 ( 2014 ) 209 – 214 *The International Conference on Communication and Media 2014, 18-20 October 2014, Langkawi* <http://www.sciencedirect.com>. Tarikh capaian: 12 Jun 2021.

Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir. 2019. Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 16 (No.2) Disember 2019:227-253*.

Neo K. S., Heng B. C. & Lee S. Y. 2014. *Metafora imej imej dalam peribahasa Melayu dan Cina*. (bahan tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Shah Alam. <http://versys.uitm.edu.my/prisma/view/viewPdf.php?pid=53086>. Tarikh capaian: 10 Julai 2015.

Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah. 2013. Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(1): 1675-8021.

Siti Nur Izzaty Salit dan Norsimah Mat Awal. 2017. Unsur Feminisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Konigatif. *Jurnal Linguistik Vol.21 (2) Disember 2017 (015-023)*.

Soegeng Sogijanto. 2016. *Kumpulan Makalah Penyakit Tropis dan Infeksi di Indonesia Jilid 4*. Air Lingga Universiti Press. Indonesia.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. *Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11(3) September: 31-51.